

AKTIVITI PENEROKAAN


PERIMETER & LUAS

AKTIVITI 2

Adakah perimeter yang sama memberikan luas yang sama?

1) Dalam aktiviti ini, anda diminta membentuk sebarang segi empat tepat dengan perimeter (iaitu jumlah sisi yang mengelilingi segi empat tersebut) 36 unit.

Contoh:



$$\text{Perimeter} = 7 \text{ unit} + 11 \text{ unit} + 7 \text{ unit} + 11 \text{ unit} = 36 \text{ unit}$$

2) Catatkan butir-butir segi empat yang telah dibentuk ke dalam jadual berikut:

Perimeter (unit)	Bilangan baris	Bilangan lajur	Luas ($unit^2$)
36 unit	7	11	
36 unit	6	12	
36 unit	5	13	
36 unit	10	8	
36 unit	4	14	

3) Berdasarkan keputusan dalam jadual di atas, apakah kesimpulan yang boleh anda buat tentang persoalan-persoalan berikut:

(a) Adakah bentuk-bentuk dengan perimeter yang sama mempunyai luas yang sama?

Bentuk dengan perimeter yang sama _____ mempunyai luas yang sama

(b) Apakah hubungan antara "Luas" dengan "Bilangan Baris" dan "Bilangan Lajur"?

Hubungan antara luas dengan bilangan baris dan bilangan lajur ialah hasil _____ antara bilangan baris dan bilangan lajur.